



JURNAL LINGUISTIK Vol. 23 (2) Disember 2019 (061-082)

Dialektologi Hulu Perak Utara: Implementasi Sinkronik

Nur Habibah C. R, Rahim Aman, Shahidi A. H.

Bibah@ukm.edu.my, tuntas@ukm.edu.my, zedic@ukm.edu.my

*Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

Tarikh terima : 22 Ogos 2019
Received
Terima untuk diterbitkan : 3 Dis 2019
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 15 Dis 2019
Published online

Abstrak

Kajian ini meneliti varian Hulu Perak Utara (HPU) yang ditinjau dengan menggunakan kaedah geografi dialek. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif sepenuhnya. Manakala aspek yang dikaji untuk penyelidikan ini adalah sistem fonologi dan leksikal varian HPU untuk melihat ciri linguistik bagi setiap varian yang wujud di HPU. Bentuk-bentuk vokal, konsonan dan leksikal dilihat daripada segi kesejajaran dan penyebarannya dalam ruang geografi, sama ada menimbulkan persamaan atau perbezaan. Perbezaan yang timbul kemudiannya dipaparkan dalam bentuk peta untuk melihat kawasan-kawasan yang berbeza realisasi sebutan sesuatu kata itu. Berdasarkan kajian, beberapa dapatan telah diperolehi, iaitu yang pertamanya wujud kesejajaran fonologi bagi vokal dan konsonan dalam varian HPU. Kedua, data leksikal memperlihatkan kesejajaran yang sangat berlainan antara satu kawasan dengan kawasan yang lain, bahkan sering berlaku tumpang tindih antara kawasan. Ketiga, varian di HPU dibahagikan kepada tiga kelompok kawasan, yang masing-masingnya mempunyai ciri linguistik yang berbeza antara satu sama lain. Melalui kajian ini, hasil dapatan menyimpulkan bahawa varian HPU mempunyai keunikan yang tersendiri walaupun ada sebahagian kawasan yang menerima pengaruh dialek pendatang, namun berdasarkan penyesuaian daripada penutur tempatan terhadap dialek yang diterima menjadikan dialek Hulu Perak Utara ini sebenarnya mempunyai keistimewaan dan keunikan yang tersendiri yang dapat dilihat daripada ciri-ciri linguistiknya. Jelaslah berlakunya pergerakan dalaman di dalam kawasan HPU ini.

Kata Kunci: Dialek geografi; Hulu Perak Utara; fonologi; leksikal; pemetaan

Dialectology Geography North Hulu Perak: Synchronic Implementation

Abstract

This research is studying on variant North Hulu Perak that surveyed by geographical dialect. This research was used qualitative study method. Meanwhile, studies aspects for this research are phonological system and lexical variant North Hulu Perak. Vowel forms, consosnant and lexical are being viewed from concordance aspect and distribution in geographical space, whether have arise any equation or difference. Difference that arise will be presented in the map to observe areas that are different realisation in certain word. Based on the study, the first findings is the existence of phonology concerndence from vowel and consonant aspects in variant North Hulu Perak. Secondly, lexical data showed that concordence is extremely heterogeneous between one to another area and even their is an overlap between the areas. Thirdly, variant North Hulu Perak is also devided into three groups of area,

which are respectively different and have own characteristics. As the conclusion through out the study, certain areas are also affected by immigran dialect and it makes dialect of North Hulu Perak have their own speciality and uniqueness from the point of view in linguistic character. It is clearly shows that have an internal movement in North Hulu Perak.

Keywords: Geography dialect; Hulu Perak Utara; phonology; lexical; mapping

1. Pengenalan

Pengucapan bahasa selalunya memperlihatkan variasi yang ketara, yang dipanggil dialek. Dialek adalah bentuk bahasa yang substandard, berstatus mudah dan bersifat kedesaan, dikaitkan dengan masyarakat petani atau golongan yang tidak bertaraf tinggi. Istilah dialek ini biasanya dikaitkan dengan bentuk-bentuk bahasa yang dituturkan oleh penduduk yang tinggal di kawasan terpencil di dunia ini dan tidak mempunyai bentuk tulisannya (Peter Trudgill & Chambers, 1990). Penutur dialek-dialek ini perlu saling memahami. Saling faham ini dikatakan bergantung kepada faktor-faktor seperti darjah pendedahan pendengar terhadap dialek itu, tahap pendidikan dan faktor keinginan memahami pertuturan orang lain. Menurut Chambers (1990), bahasa terdiri daripada sekumpulan dialek dan penutur-penutur dialek ini pula saling memahami antara satu sama lain. Kesalingfahaman yang wujud ini adalah berdasarkan ciri linguistik tertentu yang sama daripada aspek fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik.

Tidak dinafikan bahawa kawasan dialek atau subdialek dipengaruhi oleh faktor-faktor sempadan politik dan pentadbiran negeri. Namun begitu, kita juga tidak boleh meniadakan bahawa faktor sempadan geografi juga mempengaruhi perbezaan dialek. Kadang kala, pengaruh asing atau dialek pendatang juga memberi variasi kepada dialek sesuatu kawasan. Misalnya dialek Minang di Selangor, dialek Rawa di Perak, dialek Patani di Kedah dan Perak (Asmah Haji Omar, 1985). Menurut Nuwairi (2003) pula, apa yang dikatakan orang Melayu di Perak terdapat orang-orang Melayu dari bahagian-bahagian lain di semenanjung Malaysia seperti orang dan kawasan sekitarnya iaitu orang Kedah, Kelantan, Terengganu dan beberapa lagi. Selain itu terdapat suku-suku kaum seperti Patani, Jawa, Banjar, Mendeling, Rawa, Batu Bara, Kampar, Bawean, dan Kerinci yang sudah lama menetap di Perak

Negeri Perak merupakan sebuah negeri yang terletak di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Kedudukan negeri Perak yang terletak di bahagian tengah semenanjung menjadikan negeri ini antara negeri yang banyak bersempadan dengan negeri lain. Sebelah utara negeri Perak bersempadan dengan Pulau Pinang dan juga Kedah. Sebelah timur pula bersempadankan Kelantan, Pahang dan Terengganu. Selangor di Selatan dan Melaka di sebelah Barat. Kenyataan ini dibuktikan juga dengan Raja Mukhtaruddin (1986) yang menyatakan setiap daerah mempunyai variasi dialek yang berbeza antara satu daerah dengan daerah yang lain¹. Jelaslah menunjukkan bahawa dialek dan kawasan geografi mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Oleh itu kajian ini akan meneliti fonologi dialek Hulu Perak Utara (HPU), sekaligus melakukan pemetaan varian-varian yang hadir dalam dialek HPU.

Permasalahan Kajian

Pelbagai kajian dialek Melayu telah dilakukan oleh ahli-ahli linguistik di seluruh pelosok negeri. Tidak ketinggalan juga kajian dialek di negeri Perak sering mendapat perhatian oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Namun, mengenai dialek HPU, masih belum meluas. Meskipun

¹ Menurut Asmah (1985) pula, daerah yang mewakili kawasan dialek Perak ialah Parit dan Kuala Kangsar. Selebihnya, bahagian tertentu di negeri Perak merupakan kawasan penyebaran dialek lain yang bersempadan dengan negeri tersebut.

sudah ada kajian yang memperkenalkan dialek Hulu Perak, namun ia tidak dilakukan secara mendalam tentang sistem fonologinya.

Majoriti pengkaji lepas hanya menfokuskan kajian dialek yang menjadi dialek asas di Perak. Menurut Asmah Haji Omar (1985), subdialek Parit adalah dialek yang diambil sebagai dialek asas bagi negeri Perak. Pengkaji-pengkaji lain yang mengkaji dialek Perak di antaranya, Abu Bakar Hamid (1962), Ismail Hussein (1973), Harun Mat Piah (1983), Raja Mukhtaruddin bin Raja Dain (1986), Rohani Mohd Yusoff (1986), Zaharani Ahmad (1991), Nor Hisham Osman (1994), James T. Collins (2007), Siti Noraini Hamzah et al., (2014), Harishon Radzi et al., (2015).

Kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang disenaraikan di atas dilihat tidak begitu hampir dengan kajian yang akan dilakukan, iaitu kajian geografi dialek², kecuali kajian Rohani Mohd Yusoff (1986), Siti Noraini Hamzah et al., (2014), Harishon Radzi et al., (2015). Kebanyakan pengkaji-pengkaji yang dinyatakan, selain Asmah (1985) menghuraikan kajian dialek asas Perak berdasarkan aspek fonologi, morfologi dan sintaksis tanpa melihat variasi yang hadir dalam ragam yang dikaji. Berdasarkan kajian-kajian lepas didapati, kawasan Hulu Perak³ masih belum meluas kajian bahasa yang dilakukan. Bahkan pemetaan dialek di kawasan HPU masih lagi samar-samar, dan tidak jelas ciri fonetik dan fonologinya.

Oleh itu, kajian terhadap dialek HPU yang meliputi aspek fonologi, leksikal dan pemetaan ini perlu dilakukan agar struktur bahasa dan geografi dapat dikaji dengan lebih terperinci. Jadi, permasalahan ini akan dianalisis dengan melakukan pendeskripsian fonologi dialek HPU, kemudian melakukan pemetaan varian-varian leksikal yang hadir dalam dialek HPU dan seterusnya menghuraikan secara deskripsi mengenai persamaan dan perbezaan yang hadir dalam dialek HPU ini. Akhir sekali pengkaji akan mengelompokkan varian-varian yang hadir dalam beberapa kumpulan varian mengikut ciri-ciri persamaan dan perbezaan yang hadir.

2. Sorotan Kajian

Kajian deskripsi dialek Perak ini dilakukan oleh pengkaji seperti Abu Bakar Hamid (1962), Raja Mukhtaruddin bin Raja Dain (1986). Kajian-kajian sebegini telah banyak dilakukan oleh pengkaji lain juga dan kebanyakan daripada mereka hanya menumpukan kajian di Parit dan Kuala Kangsar. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan ini sedikit sebanyak mempunyai ciri-ciri persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh Rohani Mohd Yusof (2003) dan Asmah Haji Omar (1985).

Kajian mereka ini lebih menumpukan variasi yang terdapat di negeri Perak, dan secara tidak langsung mereka membuat perbandingan antara varian-varian di negeri Perak, sama ada varian yang mempunyai pengaruh dialek lain atau sememangnya daripada dialek asal. Oleh hal yang demikian, kajian yang dilakukan ini juga akan membandingkan varian yang ada di kawasan kajian, iaitu di HPU iaitu dari Grik ke Pengkalan Hulu. Kajian ini bukan sahaja dilakukan dengan membuat perbandingan antara varian yang wujud di kawasan Gerik ke Pengkalan Hulu, tetapi juga akan menerapkan prinsip geografi dialek. Ini kerana ia adalah sebagai permulaan kajian dialek HPU yang kurang diketengahkan oleh pengkaji lepas. Menurut Collins (2007)

²Dalam kajian geografi dialek, perancangan dan perkaedahan amat penting. Selain cara dan kaedah lapangan yang harus dipatuhi oleh setiap cabang ilmu linguistik, geografi dialek perlu memberi perhatian yang lebih kepada perkara seperti pemilihan informan, soal selidik dan pemetaan (Chambers & Trudgill, 1990).

³Daerah Larut Matang dan Selama, Hulu Perak, Kerian, Hilir Perak dan Batang Padang merupakan antara daerah yang menerima migrasi daripada masyarakat luar (Abdul Halim, 1977).

penghayatan ilmu linguistik melalui pemetaan dialek Melayu di Malaysia sangat berkurangan oleh sarjana tempatan⁴.

Penyataan Collins (2007) ini sangat jelas. Penghayatan ilmu linguistik melalui pemetaan dialek Melayu kurang dilakukan oleh sarjana-sarjana terdahulu, melainkan usaha yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar (1985) yang berusaha mendeskripsi dialek Melayu dan menyusun peta awal tentang persebaran geografi dialek-dialek itu (Collins, 2007). Namun, usaha-usaha pengkaji lepas dalam kajian dialek geografi secara menyeluruh telah dilakukan oleh Collins (1983), dalam kajian dialek Ulu Terengganu, Ajib Che Kob (1985) dalam kajian dialek geografi Pasir Mas, kajian dialek geografi Kuala Kangsar oleh Rohani (1986), dan Rahani Hosin (2007) mengenai varian Melayu di Lembangan Batang Saribas serta penelitian dialek geografi Mohd. Tarmizi et al., (2010) dalam variasi dialek Pahang yang melihat aspek keterpisahan berasaskan jaringan sungai. Kajian dialek geografi Perak juga telah dianalisis menggunakan komputer yang bersistemkan *Geographic Information System* (GIS) seperti mana yang telah dilakukan oleh Siti Noraini Hamzah et al., (2014), Harishon Radzi et al., (2015). Apa yang jelas ialah penggunaan perisian GIS ini dapat membantu dalam penghuraian fenomena dialektal Perak dengan lebih terperinci dan akurat.

Jadi, pengkaji merasakan kajian ini sangat bermakna jika ia dilihat daripada sudut varian dialek yang hadir di HPU dengan menerapkan prinsip geografi dialek supaya dapat memudahkan kefahaman, seterusnya dapat menjelaskan asal usul sebenar dialek HPU. Selain itu, pembahagian kawasan HPU dilihat kurang tepat seperti mana yang dilakukan oleh Harun Mat Piah (1983), terutamanya berkaitan kawasan Pengkalan Hulu⁵. Kajian ini sekaligus diharapkan dapat menyumbang kepada inventori dialek Perak sebagai rujukan kepada pengkaji di masa hadapan. Penelusuran aspek pemetaan varian HPU ini akan berupaya memperjelaskan kedudukan dialek tersebut dalam khazanah dialek di Perak secara umumnya.

3. Metodologi

Penelitian dalam kajian ini menggunakan metodologi kualitatif sepenuhnya dalam penghuraian ciri fonologi dan leksikal dialek HPU. Pendekatan linguistik struktural digunakan untuk menghurai struktur dalam dialek HPU. Menurut Asmah Haji Omar (1985) setiap bahasa di dunia mempunyai sistem bahasa yang tersendiri. Peraturan dan sistem dalam bahasa inilah yang membezakan antara sesebuah bahasa tersebut. Linguistik struktural menjadi salah satu kerangka teori disampaing geografi dialek dalam menghuraikan inventori vokal, konsonan dan leksikal struktur dialek HPU ini.

Kajian ini melibatkan kajian lapangan untuk mengutip data primer yang diperolehi melalui temubual yang dijalankan terhadap beberapa orang informan. Kriteria pemilihan informan yang dipilih merujuk kepada NORM/F (Trudgill & Chambers, 1990). Oleh hal yang demikian, daripada 30 titik pengamatan yang dipilih, hanya 10 kawasan kajian yang ditinjau oleh pengkaji atas nasihat ketua kampung tadi. Keadaan ini bermakna seramai 10 informan sahaja dipilih oleh pengkaji dalam mendapatkan data dialek HPU.

Tiga puluh titik pengamatan ini meliputi sebahagian besar daerah Hulu Perak, iaitu melibatkan daerah Gerik dan daerah Pengkalan Hulu, tidak termasuk daerah Lenggong. Oleh hal yang demikian kawasan kajian ini dinamakan sebagai Hulu Perak Utara (HPU). Hasil maklumat daripada ketua-ketua kampung dan rujukan peta Hulu Perak, pengkaji akhirnya

⁴ Hakikat yang perlu diketahui, tradisi pemetaan Melayu sudah dikuasai dan dirajai oleh penerbit dan sarjana luar Negara yang kurang memahami dan kurang mempedulikan keadaan dan kedudukan dialek Melayu yang sebenarnya (Collins, 2007).

⁵ Pengkalan Hulu dinyatakan sebagai Kelian Intan, namun hakikatnya Kelian Intan merupakan kawasan di bawah pentadbiran Pengkalan Hulu, dengan kata lain, Kelian Intan adalah subkawasan dari Pengkalan Hulu.

membuat persampelan kawasan kajian kepada 30 buah kampung yang merangkumi daerah Gerik dan Pengkalan Hulu. Kampung-kampung yang mewakili dialek HPU ini adalah :-


(A) Gerik

- 1) Kampung Pahit
- 2) Kampung Plang
- 3) Kampung Bongor
- 4) Kampung Kerunai
- 5) Kampung Bersia
- 6) Kampung Perah
- 7) Kampung Padang
- 8) Kampung Jagor
- 9) Kampung Tanjung Kala
- 10) Kampung Padang Kunyit
- 11) Kampung Air Panas
- 12) Kampung Bandariang
- 13) Kampung Tanjong Rambai
- 14) Kampung Pahat
- 15) Kampung Tawai
- 16) Kampung Gerik
- 17) Kampung Jong

(B) Pengkalan Hulu

- 1) Kampung Kuak Hulu
- 2) Kampung Kuak Luar
- 3) Kampung Kuak Tengah
- 4) Kampung Air Panas
- 5) Kampung Simpang Pulau
- 6) Kampung Selarong
- 7) Kampung Bukit Buloh
- 8) Kampung Bekuai
- 9) Kampung Padang Rengas
- 10) Kelian Intan
- 11) Kampung Padang Tamat
- 12) Kampung Padang Temak
- 13) Kampung Bukit Jerai

Peta 1: Lakaran kawasan kajian



Metod utama dalam kajian ini adalah metod cakap dengan menggunakan teknik-teknik yang bersesuaian. Teknik-teknik yang digunakan dalam mendapatkan data primer adalah seperti temubual, rakaman, pemerhatian ikut serta, daftar kata, pengajuan gambar dan catatan (Mahsun, 1995). Daftar kata yang digunakan dalam kajian ini meliputi leksikal berkaitan anggota tubuh badan, perasaan atau sikap, bahagian rumah dan peralatan dapur, kata ganti nama diri dan persaudaraan, binatang, waktu dan cuaca, makanan, pakaian, alat pertanian, ukuran dan bilangan. Pengumpulan data leksikal dilakukan melalui teknik pertanyaan langsung seperti yang dilakukan oleh Truggill dan Chambers (1990). Pemaparan dan analisis data menggunakan kerangka analisis dialektologi struktural.

4. Data dan Perbincangan

Umumnya sistem fonologi merupakan satu bidang yang utama dalam pengkajian ilmu bahasa. Jelasnya, yang menjadi tumpuan kajian dalam bidang ini adalah bunyi dan fungsinya. Asmah Haji Omar (1977:16) menghuraikan bahawa fonologi merupakan kajian deskriptif bunyi dan fungsi bahasa. Pendekatan yang digunakan dalam membina kajian geografi dialek HPU ini dalam memanfaatkan kajian fonologi dialek Gerik dan Pengkalan Hulu ialah pendekatan struktural. Perbincangan ini akan menghuraikan aspek fonologi varian dialek HPU dengan memaparkan inventori dan penyebaran vokal dan konsonan yang melibatkan keberadaan fonem pada setiap posisi awal, tengah dan akhir kata dalam sesuatu perkataan dialek HPU. Seteruskan analisis ini dilakukan pula terhadap pemetaan penyebaran varian-varian leksikal dialek HPU. Berdasarkan analisis yang dilakukan, di dalam dialek HPU mempunyai 8 fonem vokal. Masing-masing terdiri daripada empat vokal depan /i/, /e/, /ɛ/, /a/, satu vokal tengah /ə/ dan tiga vokal belakang /u/, /o/ dan /ɔ/. Jadual 1 menunjukkan penyebaran kehadiran fonem vokal pada setiap perkataan dalam dialek HPU.

Jadual 1. Penyebaran fonem vokal dalam dialek HPU

Jenis Vokal	Penyebaran Vokal Pada Posisi Kata					
	BMS	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir
/i/	ikan	[ikɛ]	lidah	[lidɔh]	jari	[jaɣi]
/e/	-		kulit	[kuleʔ]	panggil	[paŋe]
/ɛ/	erat	[ɛɣaʔ]	stoking	[stokeɲ]	-	
/a/	adik	[adeʔ]	bayar	[baja]	ular	[ula]
/ə/	-		dekata	[dəkaʔ]	-	
/u/	urat	[uɣaʔ]	kasut	[kasuʔ]	dagu	[dagu]
/o/	otak	[otoʔ]	darah	[dayoh]	tumpul	[tupo]
/ɔ/	orang	[ɔɣɛ]	kunyah	[mamɔh]	telur	[təlo]

Jadual 1 Penyebaran vokal pada posisi kata ini merupakan data yang diambil secara umum mewakili dialek HPU. Namun terdapat beberapa kesejajaran yang berlaku bagi setiap fonem vokal, samada hanya pada posisi akhir, posisi awal, posisi tengah kata atau berlaku pada mana-mana dua posisi atau kesemua posisi ada kesejajarannya. Hal ini kerana, dalam dialek

HPU sebenarnya mempunyai kepelbagaian subdialek yang dituturkan oleh penduduk di sini. Kesejajaran fonem vokal yang berlaku inilah membuktikan wujudnya beberapa subdialek dalam dialek HPU. Berikut ini akan menghuraikan serba sedikit penyebaran dan kesejajaran yang berlaku pada posisi kata dalam varian-varian HPU.

Penyebaran dan Kesejajaran Vokal Varian-varian HPU di Setiap Posisi Kata

(i) Vokal /i/

Vokal /i/ di awal kata dalam DHPU terdapat dalam semua 30 kawasan kampung. Walau bagaimanapun, setiap perkataan tidak sama cirinya dengan kawasan-kawasan lain. Ini bermaksud, bagi sesetengah perkataan, terdapat kesejajaran dengan vokal /i/ dan sebahagian lagi tidak ada kesejajaran. Misalnya kata “Isnin” dalam Bahasa Melayu Standard (BMS), vokal /i/ di awal kata berkontras dengan /ɛ/ dan /ø/ bagi kata [isnɛ], [ɛsnɛ] dituturkan di kampung 4-7, 9, 22, 25, 29, 30. Manakala [snɛ] dituturkan di kampung 1-3, 8,10-12, 18-21, 24,26-28.

Bagi kata “kecil”, vokal /i/ di tengah kata [kətʃiʔ] mempunyai kesejajaran dengan /e/, iaitu [ketʃeʔ] penyebarannya di kampung 7, 8, 13-23, 25 dan 29. Kesejajaran /i/ di posisi akhir kata tiada. Penyebaran dan kesejajaran yang berlaku ini boleh dilihat jelas dalam peta 2.

(ii) Vokal /e/

Kesejajaran dan penyebaran vokal /e/ hanya berlaku pada posisi tengah kata. Misalnya dalam contoh data “sakit”. [sakeʔ] vokal /e/ berkontras dengan /i/ iaitu [sakiʔ] dituturkan di kampung 2-7, 9, 12, 22, 24, 25, 27-30. Rujuk peta 2.

(iii) Vokal /ɛ/

Kesejajaran dan penyebaran vokal /ɛ/ hanya berlaku pada posisi awal kata. Misalnya dalam contoh data “Esok”. [esɔʔ] vokal /ɛ/ berkontras dengan /i/ dan /ø/ menghasilkan lagi dua varian, masing-masing penyebarannya berlaku [isoʔ] dituturkan di kampung 2-6, 8, 9, 12, 18-21, 24, 27, 28, 30 dan [sɔʔ] penyebarannya di kampung 7, 22,25 dan 29. Rujuk peta 2.

(iv) Vokal /a/

Kebanyakan kata yang diakhiri vokal /a/ mempunyai kesejajaran dengan vokal /ɔ/ dituturkan di beberapa kawasan. Misalnya bagi perkataan “singa”, “nganga” dan baju melayu”. Bagi kawasan kampung 1, 4-6, 8-11, 18-21, 26 dan 30 menuturkan [siŋa], [ŋaŋa] dan [telɔʔ blaŋa]. Manakala di kampung selebihnya menuturkan [siŋɔ], [ŋaŋɔ] dan [telɔʔ blaŋɔ]. Kesejajaran /a/ di posisi awal dan tengah kata, tiada. Rujuk Peta 3 untuk contoh kesejajaran kata [siŋa].

(v) Vokal /ə/

Kehadiran vokal /ə/ dalam posisi kata dialek HPU hanya wujud di tengah kata sahaja seperti yang dibincangkan dalam Jadual 1. Kesejajaran pula tidak berlaku pada mana-mana posisi dalam varian HPU ini.

(vi) Vokal /u/

Kesejajaran dan penyebaran vokal /u/ hanya berlaku pada posisi tengah kata. Misalnya dalam contoh data “Kasut”. [kasuʔ] vokal /u/ berkontras dengan /ɔ/ , iaitu [kasɔʔ] penyebarannya dituturkan di kampung 1,4-7, 9-11, 22, 23, 25, 26, 29, 30. lihat pula pada kata “seratus” vokal /u/ di tengah kata [syatuh] berkontras dengan /o/, menuturkan [syatoh] di kawasan kampung yang sama. Rujuk peta 3 untuk contoh kata [kasuʔ].

(ix) Vokal /o/


Kesejajaran dan penyebaran vokal /o/ hanya berlaku pada posisi akhir kata. Misalnya dalam contoh data “kuali”. [blaŋo] vokal /o/ berkontras dengan /a/ iaitu [blaŋa] penyebarannya dituturkan di kampung 1, 4-6, 9-11, 26 dan 30. Rujuk peta 3.

(xii) Vokal /ɔ/


Vokal /ɔ/ merupakan fonem yang paling dominan dengan dialek HPU. Hal ini kerana vokal /ɔ/ dilihat mempunyai kesejajaran di semua posisi kata dalam varian HPU. Di sini jelas kita lihat keunikan varian HPU kerana mempunyai kepelbagaian varian bagi setiap kampung. berikut ialah data yang berkontras dengan vokal /o/.

Bagi kata “orang” , [ɔŋɛ] vokal /ɔ/ di awal kata mempunyai kesejajaran dengan /u/ dan /o/ mengikut kawasan kampung. [uŋaŋ] dituturkan di kawasan 1, 4-6, 9-11, 26 dan 30. Manakala [oŋa] mempunyai penyebaran tuturan di kawasan kampung 2, 3, 13, 24, 27 dan 28. Vokal /ɔ/ pada posisi tengah bagi kata [mɔʔ] , “mak dalam BMS mempunyai kesejajaran dengan /ɛ/, /e/ dan /a/ . Masing-masing penyebarannya di kawasan kampung berikut, [mɛʔ] di kampung 7,8, 18-22, 25 dan 29, [meʔ] 4-6, 9 dan 30. Manakala [maʔ] dituturkan di kampung 1,10,11 dan 26. Kesejajaran /ɔ/ di akhir kata pula berkontras dengan /a/. Misalnya bagi kata [limɔ], “lima” dalam BMS. Di kawasan 1,10,11 dan 26 menuturkan [lima]. Berikut penyebaran dan kesejajaran vokal /ɔ/ yang dipetakan mengikut kawasan. Rujuk Peta 4.


Peta 2 : Kesejajaran vokal /i/ , /e/ , /ɛ/



Peta 3 : Kesejajaran vokal /a/ , /u/ dan /o/



Peta 4 : Kesejajaran vokal /o/



Deskripsi Fonem Konsonan Dialek HPU

Dialek HPU mempunyai 20 fonem konsonan. Iaitu 7 konsonan letupan (plosif) /p/, /b/, /t/, /d/, /k/, /g/, /ʔ/, 4 konsonan geseran (frikatif) /s/, /z/, /ɣ/, /h/, 2 konsonan letusan (afrikat) /tʃ/ dan /dʒ/, satu konsonan sisian /l/, 4 konsonan sengauan, /m/, /n/, /ɲ/, /ŋ/ dan dua separuh vokal /w/ dan /j/. Jadual berikut memaparkan Penyebaran fonem konsonan yang wujud dalam dialek HPU.

Melihat pada aspek kesejajaran dalam konsonan dialek HPU pula, didapati setiap perkataan tidak sama cirinya dengan kawaasan-kawasan lain. Ini bermaksud, bagi sesetengah perkataan itu mempunyai kesejajaran dengan konsonan berlainan. Misalnya, setelah dianalisis, data konsonan yang didapati dalam dialek HPU ini kebanyakannya mempunyai ciri prosodi kepanjangan⁶ atau deretan vokal pada posisi awal kata. Jadual berikut memaparkan penyebaran fonem konsonan yang wujud dalam dialek HPU dan penghuraian mengenai kesejajaran konsonan yang wujud dalam dialek HPU.

Konsonan Plosif

Konsonan plosif terbahagi kepada dua, iaitu konsonan plosif bersuara dan tidak bersuara. Dialek HPU memiliki konsonan plosif tidak bersuara yang terdiri daripada bunyi [p], [t], [k] dan [ʔ]. Konsonan /p/ hadir hanya pada awal dan akhir kata sahaja. Manakala konsonan /t/ hadir pada semua posisi kata. Seterusnya konsonan /k/ hadir pada posisi awal dan tengah kata. Konsonan /ʔ/ hadir pada semua posisi kata (Jadual 2).

Bagi konsonan plosif bersuara pula, dalam dialek HPU terdiri daripada bunyi [b], [d], [g]. Ketiga-tiga konsonan ini hadir pada posisi awal dan tengah kata sahaja. Berikut ini adalah jadual yang menunjukkan data leksikal bagi konsonan plosif bersuara dan tidak bersuara.

Jadual 2. Penyebaran konsonan letupan dialek HPU

Jenis konsonan	Penyebaran Konsonan Plosif pada posisi kata				
	BMS	Awal	BMS	TengahBMS	Akhir
/p/	pagi	[paɣi]	selipar	[slipa]	-
/t/	tinggi	[tiŋi]	pukul	[katʔ]	lompat [lopat]
/k/	kulit	[kuleʔ]	buka	[bukʔ]	-
/ʔ/	ubi	[ʔubi]	doa	[doʔa]	semut [səmuʔ]
/b/	bantal	[bate]	rabu	[ɣabu]	-
/d/	dagu	[dagu]	sedih	[sədeh]	-
/g/	guls	[gulʔ]	perigi	[tlaɣʔ]	-

Kesejajaran konsonan /p/ dalam dialek HPU umumnya tidak mempunyai kesejajaran dengan konsonan lain. Namun ia memiliki kesejajaran dengan ditandai ciri prosodi di awal kata dengan konsonan rangkap. Contohnya dalam data “kepala” dan “periuk”. Penyebaran sebutan [ppalʔ] di kawasan 2-7, 9, 12, 22, 24, 25, 27-30, manakala [kpalʔ] di kawasan selebihnya.

⁶ Ciri-ciri prosodi adalah mengandungi ciri-ciri tekanan, kepanjangan dan nada dalam suara. Namun dalam kajian yang dilakukan ini, pengkaji hanya menitikberatkan ciri prosodi kepanjangan. Menurut Ajid Che Kob (1985: 81), jika plosif bilabial ini ditandai oleh ciri kepanjangan konsonan itu, ada dua cara pengucapannya. Pertama adalah pengucapannya dengan memanjangkan /p/ iaitu menjadi /pp/ dan yang kedua adalah dengan menghasilkan konsonan rangkap.

Bagi perkataan [pɪjɔʔ] pula dituturkan dikawasan 7, 22, 25, 29, dan selebihnya menuturkan perkataan “periuk” sebagai [pɪjɔʔ]. Kesejajaran di posisi tengah dan akhir kata bagi konsonan /p/ ini tidak berlaku.

Konsonan plosif /b/ juga mempunyai kesejajaran pada posisi awal kata sahaja. Misalnya dalam contoh kata “benci” ini. Penyebaran sebutan [bətʃi] dituturkan di kawasan kampung 1, 4-11, 18-22, 25, 26, 29, 30. Mempunyai kesejajaran dengan konsonan /m/ di awal kata iaitu [mətʃi] dituturkan di kawasan kampung 2,3, 12, 24, 27 dan 28. Kawasan kampung yang selebihnya menuturkan leksikal yang berlainan iaitu [balaəu] yang membawa maksud “benci” juga dalam BMS. Penyebaran dan kesejajaran lebih jelas boleh lihat peta 5.

Plosif /t/ di awal kata ditandai kesejajaran ciri prosodi kepanjangan dengan rangkap konsonan dalam kata “telekung”. Perubahan cara pengucapan adalah berbeza mengikut kawasan. sebagai contoh, di kawasan 7, 8, 13-23, 25 dan 29 menyebut [ttkoŋ]. Manakala kawasan selebihnya menyebut [tlkoŋ], yang menghasilkan konsonan rangkap. Selain kesejajaran ciri prosodi, konsonan plosif /t/ bersejajar dengan konsonan /tʃ/ di posisi awal kata dalam kata “telinga” dan “tiup”. Penyebaran [tʃəlɪŋɔ] dan [tʃiup] dituturkan di kawasan 13-12 dan 23. pula menyebutnya sebagai [təlɪŋɔ] dan [tiup]. Rujuk peta 5 untuk contoh kata [təlɪŋɔ].

Konsonan plosif /t/ di akhir kata hadir di semua kawasan. Namun sebahagian kawasan mempunyai kesejajaran dengan konsonan lain. Contohnya bagi kata “kabus”. Di kawasan 8, 18-21 menuturkan [kabut], ia mempunyai kesejajaran dengan [kabuh] yang dituturkan dikawasan 1, 10, 11, 26. Manakala dikawasan 2-6,9,12, 24,27, 28, 30 menyebut [kabot] yang mempunyai kesejajaran dengan kawasan 7, 22, 25 dan 29 yang menyebut [kaboh]. Ini menunjukkan /t/ di akhir kata mempunyai kesejajaran dengan /h/ apabila vokal /u/ atau /ɔ/ mendahuluinya. Kawasan selain yang dinyatakan pula menyebut [kabout]. Konsonan plosif /d/ pula tidak menunjukkan sebarang kesejajaran dalam setiap posisi kata. Rujuk peta 5 untuk contoh kata ini.

Plosif /k/ di awal kata juga ditandai kesejajaran ciri prosodi kepanjangan dengan rangkap konsonan. Contoh yang dapat dilihat ialah dalam kata “terkejut”. Perubahan cara pengucapan adalah berbeza mengikut kawasan. Sebagai contoh, di kawasan 1-6, 8-21, 26-29 menyebut [kkədʒuʔ], Manakala kawasan selebihnya menyebut [tkdʒuʔ] yang menghasilkan konsonan rangkap. Tengah dan akhir kata, tiada kesejajaran berlaku dalam konsonan /k/ ini. Begitu juga dengan konsonan plosif /g/ ini, hanya ada kesejajaran di posisi awal kata. Contoh dapat dilihat dalam kata BMS “kudis”. /k/ di awal kata berkontras dengan /g/ pada sesetengah kawasan. Dikawasan 1, 8, 10, 11, 18-21 dan 26 menyebut [kudeh], manakala kawasan selebihnya menyebut [gudeh]. Konsonan /ʔ/ tidak mempunyai apa2 kesejajaran pada setiap posisi kata. Rujuk peta 5.

Konsonan Frikatif

Konsonan gigi-gusi tak bersuara /s/ hadir pada posisi awal dan tengah kata. Berbeza dengan konsonan frikatif bersuara /z/ hanya hadir pada awal kata dalam dialek HPU . Manakala konsonan frikatif lelangit lembut bersuara /y/ hanya hadir pada awal dan tengah kata. bagi konsonan frikatif lelangit lembut tidak bersuara /h/ hadir pada semua posisi kata dalam dialek HPU. Lihat contoh paparan Jadual 3 dibawah :

Jadual 3. Penyebaran konsonan frikatif dialek HPU

Jenis konsonan	Penyebaran Konsonan Frikatif pada posisi kata				
	BMS	Awal	BMS	TengahBMS	Akhir
/s/	sepak	[səpaʔ]	basah	[basa]	-
/z/	zaman	[zame]	-	-	-
/ɣ/	roti	[ɣoti]	beras	[bəʔah]	-
/h/	huduh	[hudəh]	pahat	[pahaʔ]	tikus [tikuh]

Selain konsonan plosif, konsonan frikatif juga mempunyai kesejajaran ciri prosodi. konsonan frikatif /s/ mempunyai ciri prosodi kepanjangan berkontras dengan deretan konsonan. Misalnya dalam kata BMS “sarapan”. Dikawasan kampung 1,7, 8, 10, 11, 18-22, 25, 26 dan 29 menuturkan [ssəʔoʔ], manakala dikawasan 2, 3, 12-17, 23, 24, 27 dan 28 menuturkan [bsəʔoʔ]. Kawasan selebihnya menuturkan [mpəʔoʔ]. Ini menunjukkan konsonan frikatif berciri prosodi /ss/ berkontras dengan rangkap konsonan /bs/ dan /mp/ di posisi awal kata. Bagi kesejajaran konsonan /s/ di tengah dan akhir kata pula, tiada direkodkan.

Konsonan frikatif /z/ juga mempunyai kesejajaran pada posisi awal kata sahaja. Misalnya dalam contoh kata “zaman” ini. Penyebaran sebutan [zame] dituturkan di kawasan kampung 8, 18-21. Mempunyai kesejajaran dengan konsonan /dʒ/ di awal kata iaitu [dʒame] dituturkan di kawasan kampung 1-7, 9-12, 22, 24-30. Kawasan kampung yang selebihnya menuturkan [bdʒame]. Ini menunjukkan konsonan frikatif /z/ berkontras dengan konsonan /dʒ/ dan rangkap konsonan /bdʒ/ (Rujuk Peta 6). Bagaimanapun, untuk konsonan /h/ dan /ɣ/ tiada kesejajaran yang berlaku pada mana-mana posisi dalam kata.

Konsonan Afrikat

Konsonan afrikat dalam dialek HPU hanya diwakili oleh 2 konsonan /tʃ/ dan /dʒ/. Kedua-dua bunyi konsonan ni hadir pada awal dan tengah posisi kata sahaja. Berikut Jadual 4 adalah paparan data yang dianalisis:

Jadual 4. Persebaran konsonan afrikat dialek HPU

Jenis konsonan	Penyebaran Konsonan Afrikat pada posisi kata				
	BMS	Awal	BMS	TengahBMS	Akhir
/tʃ/	cari	[tʃayi]	pecah	[pətʃəh]	-
/dʒ/	zaman	[dʒame]	jahit	[dʒaeʔ]	-

Kedua-dua konsonan afrikat /tʃ/ dan /dʒ/ hadir dalam lingkungan awal dan tengah kata. Namun kesejajaran yang berlaku hanya pada konsonan afrikat /dʒ/ di posisi awal kata sahaja. Berikut ialah data yang menunjukkan kesejajaran berlaku di kawasan-kawasan yang dinyatakan. Bagi kata “jeling dalam BMS, kawasan 1-3, 7, 8, 10-12, 18-22, 24-29 menyebut [dʒəlin], dan kawasan selebihnya menyebut [kəlin]. Ini menunjukkan konsonan afrikat /dʒ/ berkontras dengan konsonan /k/ di posisi awal kata bagi kata [dʒəlin] (Rujuk Peta 6).

Konsonan Lateral

Konsonan lateral gigi gusi bersuara /l/ didapati berada dalam posisi di awal dan tengah kata sahaja. Sebagai contoh [l] di awal kata bagi leksikal “lidah” disebut [lidɔh], manakala contoh data yang mempunyai [l] di tengah kata ialah [dɔlu] iaitu “dahulu” dalam bahasa Melayu standard. Tiada kesejajaran konsonan /l/ yang direkodkan dalam semua posisi data kata dialek HPU.

Konsonan nasal

Seterusnya, konsonan nasal dalam dialek HPU terdiri daripada empat konsonan, iaitu /m/, /n/, /ŋ/, /ɲ/. Bagi konsonan bunyi nasal [m], [n], [ɲ] kehadirannya dapat dilihat pada posisi awal dan tengah kata. Berbeza dengan bunyi nasal [ŋ] hadir pada semua posisi kata dalam dialek HPU. Berikut ini adalah data yang mewakili penyebaran bunyi sengau dalam kata dialek HPU (Jadual 6).

Jadual 6. Penyebaran konsonan nasal dialek HPU

Jenis konsonan	Penyebaran Konsonan Nasal pada posisi kata					
	BMS	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir
/m/	marah	[muɣɛh]	kelambu	[klamu]	-	
/n/	nasi	[nasiʔ]	tanah	[tanɔh]	-	
/ɲ/	nyala	[ɲala]	senyap	[sɛɲaʔ]	-	
/ŋ/	nganga	[ŋaŋɔ]	dengar	[dɛŋa]	taring	[taɣiŋ]

Berdasarkan data yang dianalisis, kesejajaran tidak berlaku pada mana-mana posisi kata dalam konsonan sengauan /m/ dan /n/. Berbeza dengan konsonan sengauan /ɲ/ dan /ŋ/ masing-masing mempunyai kesejajaran pada awal posisi kata. Pada tengah dan akhir kata tiada kesejajaran berlaku.

Konsonan sengau /ɲ/ juga dilihat mempunyai kesejajaran ciri prosodi. Misalnya dalam kata “penyiram” dalam BMS. [ɲɲɪɣɛ] dituturkan di kawasan 8, 13-21, 23, iaitu /ɲɲ/ berkontras dengan rangkap konsonan /pɲ/ dan konsonan /s/ yang mana masing-masing sebutannya [pɲiɣɛ] di kawasan 2-6, 9, 12, 24, 27, 28 dan 30. Kawasan selebihnya menyebut [siɣɛ]. Lihat pula penyebaran bagi konsonan sengauan /ŋ/. Keseajarannya jga berlaku hanya pada posisi awal kata. Contohnya kata “menguap” dalam BMS. /ŋ/ berkontras dengan rangkap vokal /mɲ/ yang mana [ŋuaʔ] dituturkan di kawasan 2-7, 9, 12-17, 22-25, 27-30, dan selebihnya menyebut [mɲuaʔ].

Konsonan Separuh Vokal

Konsonan Separuh vokal ini terdiri daripada bunyi [w] dan [j]. konsonan /w/ hanya hadir pada posisi awal dan tengah kata dalam dialek HPU. Manakala konsonan /j/ hadir pada semua posisi kata. iaitu awal tengah dan akhir posisi kata. Berikut ini data kehadiran konsonan separuh vokal pada posisi kata (Jadual 7).


Jadual 7. Penyebaran konsonan separuh vokal dialek HPU

Jenis konsonan Penyebaran Konsonan Separuh Vokal pada posisi kata


	BMS	Awal	BMS	Tengah	BMS	Akhir
/w/	waris	[woyeh]	bawang	[bawa]	-	
/j/	ikan yu	[ju]	bayar	[baja]	babi	[babij]

Namun tiada kesejajaran konsonan /w/ yang direkodkan dalam semua posisi data kata dialek HPU. Tetapi terdapat kesejajaran bagi leksikal separuh vokal /j/ pada akhir kata. Contoh kata “bersin” dalam BMS. [bəɣəsej] dituturkan di kawasan 4-6, 9, 13-17, 23, 30, selebihnya menuturkan [bəɣəseŋ]. Ini menunjukkan /j/ berkontras dengan /ŋ/ di posisi akhir kata.

Peta 5: Kesejajaran konsonan plosif /p/ , /b/ , /t/ dan /k/



Peta 6: Kesejajaran konsonan frikatif /z/, Afrikat /dʒ/, dan separuh vokal /j/



Aspek Leksikal Dialek HPU

Dalam bahagian ini, pengkaji akan melihat penyebaran kata-kata daripada segi leksikal pula. Leksikal yang dimaksudkan di sini ialah kosa kata yang jelas berbeza realisasinya, namun membawa makna yang sama. Leksikal yang ingin diketengahkan dalam bahagian ini adalah yang mempunyai banyak variasi penyebutannya. Tidak dapat dinafikan bahawa walaupun kawasan HPU ini kecil, namun dapatan perbezaan konsep-konsep sesuatu kata tu jelas menunjukkan pelbagai varian.

Leksikal yang ingin diberikan tumpuan adalah seperti dalam jadual berikut. Terlihat leksikal ini memaparkan varian yang berbeza dituturkan pada satu-satu kawasan

kampung di HPU. Berikut adalah pemetaan yang mewakili kawasan-kawasan yang menuturkannya (Jadual 7)

Jadual 7. Penyebaran sebahagian leksikal dialek HPU

BMS	Kesejajaran	Kawasan yang mengujarnya
1. Cubit	(a) [tʃupej] (b) [kutej] (c) [dʒɔmin] (d) [tʃɔbiʔ] (e) [tʃɔbeʔ]	(a) 13-17, 23 (b) 2, 3, 12, 24, 27, 28 (c) 8, 18-21 (d) 4-7, 9, 22, 25, 29, 30 (e) 1, 10, 11, 26
2. Pukul	(a) [goda] (b) [ɣɔdan] (c) [piaʔ] (d) [pijaʔ] (e) [katɔʔ] (f) [hatɔʔ]	(a) 13-17, 23 (b) 8, 18-21 (c) 2,3, 12, 24, 27, 28 (d) 7, 22, 25, 29 (e) 4-6, 9, 30 (f) 1, 10, 11, 26
3. Tersungkur	(a) [dʒəɣəmuh] (b) [tʃəmba] (c) [səmbɛ] (d) [sebo]	(a) 13-17, 23 (b) 2-6, 8, 9, 12, 18-21, 24, 27, 28,30 (c) 7, 22, 25, 29 (d) 1, 10, 11, 26
4. Garang	(a) [lokaiʔ] (b) [tʃəŋɛ] (c) [gaɣɛ] (d) [pɔɣɔh]	(a) 1, 10, 11, 13-17, 23, 26 (b) 4-6, 8, 9, 18-21, 30 (c) 2,3, 12, 24, 27, 28 (d) 7, 22, 25, 29
BMS	Kesejajaran	Kawasan yang mengujarnya
5. Letih	(a) [taʔ ɣout] (b) [lətej] (c) [ləsu]	(a) 1, 8, 10, 11, 13-21, 23, 26 (b) 2, 3, 12, 24, 27, 28 (c) 4-7, 9, 22, 25, 29, 30
6. Dendam	(a) [dənda] (b) [dəndan] (c) [dəndaN] (d) [iɣɛh ti] (e) [taɣaŋ]	(a) 2, 3, 12-17, 23, 24, 27, 28 (b) 8, 18-21 (c) 4-6, 9, 30 (d) 7, 22, 25, 29 (e) 1, 10, 11, 26
7. Kedekut	(a) [dəkuʔ] (b) [dəkuiʔ] (c) [krijoʔ]	(a) 2-9, 12, 18-22, 24, 25, 27-30 (b) 13-17, 23 (c) 1, 10, 11, 26

8. Cantik	(a) [molaiʔ]	(a) 13-17, 23
	(b) [lawɔ]	(b) 8, 18-21
	(c) [lawə]	(c) 1, 10, 11, 26
	(d) [dʒaŋɔʔ]	(d) 2-6, 9, 12, 24, 27, 28,30
	(e) [catiʔ]	(e) 7, 22, 25, 29
9. Bumbung	(a) [tibej laja]	(a) 13-17, 23
	(b) [pəʔabəŋ]	(b) 4-9, 18-22, 25, 29, 30
	(c) [bəʔabəŋ]	(c) 1, 10, 11, 26
	(d) [ataʔ]	(d) 2, 3, 12, 24, 27,28
10. Besen	(a) [bəsej]	(a)13-17, 23
	(b) [bəseN]	(b)2, 3, 7, 8, 12, 18-22, 24, 25, 27-29
	(c) [dʒələʔ]	(c) 4-6, 9, 30
	(d) [tah]	(e) 1, 10, 11, 26
11. Kunang-kunang	(a) [kunɛ]	(a) 13-17, 23
	(b) [kunan-kunan]	(b) 8, 18-21
	(c) [kunaŋ]	(c) 1, 10, 11, 26
	(d) [təŋai]	(d) 2, 3, 7, 12, 22, 24, 25, 27-29
	(e) [kəliʔ-kəliʔ]	(e) 4-6, 9, 30
12. Kuih	(a) [kuwe]	(a) 2, 3, 8, 12-21, 23, 24, 27, 28
	(b) [kɔ]	(b) 1, 7, 10, 11, 22, 25, 26, 29
	(c) [təpəŋ]	(c) 4-6, 9, 30


Berdasarkan daripada analisis dan contoh-contoh data yang telah dilakukan, beberapa kesimpulan dapat dibuat terhadap variasi HPU (Peta 7). Melalui hasil daripada pemerhatian dan kajian, varian HPU dapat dikategorikan kepada tiga kawasan yang utama berdasarkan ciri-ciri tertentu, iaitu

1. Kawasan penyebaran ciri-ciri dialek HPU (Kawasan ciri A)
2. Kawasan penyebaran ciri-ciri dialek luar atau dialek pendatang (Kawasan ciri B)
3. Kawasan percampuran dialek HPU (Kawasan C)

Kawasan-kawasan varian yang telah dibahagikan di atas ini adalah berdasarkan kepada penyebaran ciri-ciri fonologi yang dapat dilihat terhadap setiap kawasan. Perbezaan dan persamaan yang terdapat dalam sesebuah kawasan atau subkawasan akan menentukan pembahagian kawasan-kawasan tersebut. Pembahagian yang dilakukan bukanlah semata-mata dilakukan berdasarkan sempadan politik, namun, berdasarkan sempadan linguistiknya.

Berdasarkan pembahagian Ciri A, B dan C, ciri kawasan A adalah terdiri daripada Kampung 13-17 dan kampung 23, iaitu terdiri daripada Kampung Perah Gerik, Kampung Pahat Gerik, Kampung Pahit Gerik, Kampung Plang Gerik, Kampung Kerunai Gerik dan Kampung Bukit Buloh Pengkalan Hulu. Kawasan ini merupakan kawasan yang dapat mewakili penyebaran ciri-ciri dialek minoriti negeri Perak yang utama iaitu sebagai dialek HPU. Bukti yang mengatakan bahawa kawasan ini sebagai dialek HPU utama ialah kerana ciri linguistiknya memperlihatkan ciri yang tersendiri dan tidak mempunyai banyak pertindihan atau persamaan yang banyak dengan kelompok lima varian yang lain.

Peta 7 : Pembahagian kawasan ciri A, ciri B, dan ciri C



Buktinya yang pertama, dalam kawasan Ciri A ini mempunyai konsonan separuh vokal /j/ di akhir kata yang mana, ciri ini tidak ada pada varian HPU yang lain. Contohnya bagi kata berikut :-

BMS	Kesejajaran	Kawasan yang mengujarnya
1. Besen	(a) [bəsej] (b) [bəseŋ] (c) [dʒəleʔ] (d) [tah]	(a) 13-17, 23 (b) 2, 3, 7, 8, 12, 18-22, 24, 25, 27-29 (c) 4-6, 9, 30 (e) 1, 10, 11, 26
2. Cubit	(a) [tʃupej] (b) [kutej] (c) [dʒəmin] (d) [tʃəbiʔ] (e) [tʃəbeʔ]	(a) 13-17, 23 (b) 2, 3, 12, 24, 27, 28 (c) 8, 18-21 (d) 4-7, 9, 22, 25, 29, 30 (e) 1, 10, 11, 26

Seterusnya, deretan vokal atau diftong juga antara ciri linguistik yang melambangkan identiti bagi kawasan Ciri A. Kawasan ini memiliki data yang dihadiri oleh diftong apabila akhirnya adalah terdiri daripada konsonan /t/ atau /ʔ/. Contohnya bagi kata berikut:-

BMS	Kesejajaran	Kawasan yang mengujarnya
1. Cantik	(a) [molaiʔ] (b) [lawo] (c) [lawa] (d) [dʒaŋʔ] (e) [catiʔ]	(a) 13-17, 23 (b) 8, 18-21 (c) 1, 10, 11, 26 (d) 2-6, 9, 12, 24, 27, 28,30 (e) 7, 22, 25, 29
2. Kedekut	(a) [dəkuʔ] (b) [dəkuiʔ] (c) [krijoʔ]	(a) 2-9, 12, 18-22, 24, 25, 27-30 (b) 13-17, 23 (c) 1, 10, 11, 26

Dua ciri linguistik yang utama inilah yang membezakannya dengan kawasan-kawasan yang lain. Berdasarkan daripada contoh-contoh yang diberikan, jelas menunjukkan bahawa kawasan Ciri A kurang berlaku pertindihan dan persamaan dengan kawasan lain. Kesimpulannya, kawasan ciri A ini merupakan kawasan-kawasan yang terpelihara variannya daripada percampuran atau pertindihan varian dari kawasan-kawasan lain. Hal ini adalah jelas kerana kedudukannya yang agak pedalaman kampung dan majoriti penduduknya adalah penduduk asal yang sudah menetap berpuluh tahun.

Seterusnya bagi kawasan Ciri B (Kawasan no. 4-7, 9, 22, 23, 30, 29) pula , sebenarnya kawasan ini merupakan kawasan yang memperlihatkan terdapatnya pengaruh ciri-ciri dialek pendatang yang jelas menyela masuk ke dalam dialek tempatan HPU. Di kawasan ini, berdasarkan ciri linguistik yang telah di analisis, kelihatan ia bertumpang tindih di antara dialek tempatan yang lain dan seterusnya menghasilkan jaringan isoglos yang bertumpang tindih. Tambahan lagi, pengaruh persempadanan dan sejarah pembukaan kampung telah membawa pengaruh pembentukan varian di kampung ini.

Selain daripada itu, gejala ini terjadi adalah berdasarkan kemungkinan beberapa faktor lain seperti berlakunya migrasi penutur-penutur dialek pendatang ke kawasan tersebut dan seterusnya mempengaruhi masyarakat tempatan. Misalnya di kawasan bernombor 7, 22, 25 dan 29 merupakan kawasan yang menerima pengaruh luar. Contoh kawasan nombor 22 dan 25 (Kampung Padang dan Kampung Jagor, Gerik) telah menerima pengaruh dialek Kelantan. Hasil kajian yang dilakukan, sememangnya penduduk di sini menuturkan varian Patani Kelantan. Menurut responden yang ditemubual, dua kawasan ini didiami oleh penduduk yang kebanyakannya asal usulnya daripada Kelantan. Selain itu, di Kampung Air Panas Pengkalan Hulu, dan Kampung Padang Jeneris Pengkalan Hulu, masyarakat di situ kebanyakannya mempunyai pertalian saudara dengan masyarakat Betong Thailand yang dijalinan melalui perkahwinan. Oleh hal yang demikian, dialek pendatang ini menjadi pengaruh kepada kawasan-kawasan yang berciri B ini dengan adanya kehadiran orang-orang Patani di situ. Kawasan Ciri B ini dikatakan mendapat pengaruh dialek pendatang dapat dibuktikan berdasarkan ciri linguistik data leksikal yang mirip dialek Patani sebenar. Berikut adalah contohnya;

BMS	Kesejajaran	Kawasan yang mengujarnya
1. Kuih	(a) [kuwe] (b) [kɔ] (c) [təpɔŋ]	(a) 2, 3, 8, 12-21, 23, 24, 27, 28 (b) 1, 7, 10, 11, 22, 25, 26, 29 (c) 4-6, 9, 30
2. Besen	(a) [bəsej] (b) [bəseŋ] (c) [dʒəlbʔ] (d) [tah]	(a) 13-17, 23 (b) 2, 3, 7, 8, 12, 18-22, 24, 25, 27-29 (c) 4-6, 9, 30 (e) 1, 10, 11, 26

Akhir sekali, Kawasan Ciri C (Kawasan no. 2, 3, 8, 10-12, 18-21, 24, 26-28) memperlihatkan kawasan yang saling berlaku tumpang tindih antara satu sama lain. Hal ini disebabkan oleh berlakunya migrasi penutur-penutur dialek tempatan dari subkawasan lain ke subkawasan yang lain, dan disebabkan rasa ingin menyesuaikan diri di tempat baru, maka wujud perubahan dalam sistem fonologi mereka. Hasil daripada analisis sistem vokal dan konsonan, kawasan Ciri C ini memperlihatkan akhiran kata sering dihadiri konsonan sengauan /-ŋ/. Berdasarkan sejarah daripada penduduk kampung, kawasan Ciri C ini mempunyai pertalian keluarga darah daging menjadikan dialek yang mereka gunakan saling bertumpang tindih.

Walaupun kawasan Ciri C ini mempunyai sedikit ciri linguistik mirip dengan dialek Terengganu, namun ia bukan beerti Ciri C ini mempunyai pengaruh dialek Terengganu. Hal ini adalah disebabkan berdasarkan sejarah pembukaan kampung Kuak Hulu Pengkalan Hulu misalnya, dibuka oleh Tok Kuwak yang dikatakan berasal dari Thailand. Jadi tidak dapat dinafikan bahawa kawasan Ciri C sememangnya ada ciri dialek Patani, namun bukan berasal dari Terengganu. Bukti yang jelas lagi menyatakan bahawa ia bukan dari Terengganu kerana terdapat satu kampung Ciri C ini, iaitu Kampung Bongor, sejarah pembukaannya adalah oleh orang Melayu sendiri yang berasal daripada Kampung Bongor Baling Kedah. Oleh hal yang demikian, dapatlah disimpulkan di sini bahawa kawasan Ciri C ini memperlihatkan kawasan percampuran dan penyesuaian dialek telah berlaku oleh penutur-penutur yang cuba menyesuaikan diri mereka di tempat baru seperti yang diterangkan pada awalnya. Berikut adalah contoh data yang memaparkan ciri kawasan Ciri C ini :-

BMS	Kesejajaran	Kawasan yang mengujarnya
1. Besen	(a) [bəsej] (b) [bəseŋ] (c) [dʒəlbʔ] (d) [tah]	(a) 13-17, 23 (b) 2, 3, 7, 8, 12, 18-22, 24, 25, 27-29 (c) 4-6, 9, 30 (e) 1, 10, 11, 26
2. Bersin	(a) [bəʔəsej] (b) [bəʔəseN]	(a) 4-6, 9, 13-17, 23, 30 (b) 1-3, 7, 8, 10-12, 18-22, 24-29

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, pembahagian varian DHPU ini kepada kawasan-kawasan di atas adalah ditentukan oleh bentuk-bentuk vokal dan konsonan yang hadir dalam kata dan juga leksikal. Kehadiran vokal, konsonan dan leksikal akan menentukan persamaan dan perbezaan

mengikut kawasan. Selain itu, aspek sejarah kampung juga antara kriteria yang diambil kira dalam pengelompokan kawasan yang dilakukan ini. Ini adalah kerana untuk melihat situasi yang menyebabkan berlakunya tumpang tindih dialek di suatu-suatu kawasan. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa pembahagian kawasan ini dilakukan atas sebab musabab yang jelas, iaitu mementingkan kriteria ciri linguistik dalam dialek yang dituturkan, disamping menyesuaikan dengan sejarah asal usul sesebuah kampung untuk mengukuhkan lagi pengelompokan kawasan yang dilakukan.

Rujukan

- Abu Bakar Hamid.1962. Sedikit mengenai fonologi dialek Perak. *Jurnal Dewan Bahasa* 3(5): 263-257
- Abdul Halim Nasir. 1977. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Negara.
- Asmah Haji Omar.1977. *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar.1985. *Susur galur bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek geografi Pasir Mas*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chambers, J.K & Trudgill, P. 1990. *Dialektologi*. Terj. Anuar Ayub. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harishon Radzi, Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Pelestarian kaedah lapangan: penerapan terhadap kajian geo dialek. *Jurnal Linguistik* 19(1):58-77.
- Harun Mat Piah. 1983. Dialek Perak: Satu tinjauan ringkas. Kertas Kerja Bengkel Kepimpinan & Pengajian Kebudayaan. Jabatan Kebudayaan Belia & Sukan Negeri Perak 20-23 Oktober. Ipoh: Tapian Gelanggang Negeri.
- Ismail Hussein. 1973. Malay dialects in Malay Peninsula. *Nusantara* 3:69-79.
- James T. Collins. 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- James, T Collins. 2007. *Penghayatan ilmu linguistik melalui pemetaan dialek Melayu sealam Melayu*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahsun, M.S 1995. *Dialektologi diakronis Sebuah pengantar*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Mohd Tarmizi, Rahim Aman & Shahidi A. H. 2010. Variasi Dialek Pahang : Keterpisahan berasaskan jaringan sungai. *Jurnal Melayu* (5) 2010: 315-332.
- Nuwairi Khaza'ai. 2003. Dialek: Taburannya di negeri Perak daripada perspektif dialektologi. *Jurnal Pengajian Melayu* 13 : 88-99.
- Nor Hisham Osman.1994. *Kajian pemilihan bahasa di kawasan perumahan Ulu Dedap, Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahani bin Hosin. 2007. Varian Melayu di Lembangan Batang Saribas: Satu penelitian dialek geografi. Tesis Phd. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Raja Mukhtaruddin. (1986. *Dialek Perak*. Ipoh : Yayasan Perak.
- Rohani Mohd Yusof.1986). *Dialektologi geografi Kuala Kangsar: Satu Kajian Perbandingan Fonologi*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Rohani Mohd. Yusof. 2003. Kuala Kangsar sebagai zon transisi dialek. *Jurnal Bahasa* 3 (12): 67-79.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. 2014. Variasi dialek Melayu di Perak Urata: analisis geolinguistik. *Jurnal Linguistik* 18 (2): 30-46.
- Zaharani Ahmad. 1991. *The phonology and morphology of Perak dialect*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Biodata

Rahim Aman (PhD) adalah profesor di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Kepakaran beliau dalam bidang dialektologi dan linguistik sejarawi.

Habibah C. R. Adalah pelajar kedoktoran di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Pengkhususan beliau adalah dalam bidang dielektologi dan linguistik Sejarawi.

Shahidi A. H. (PhD) adalah profesor madya di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Kepakaran beliau dalam bidang dialektologi dan fonologi.